



MAJLIS DAERAH RAUB

Bil.(49)dIm.MDR.5138 Jld.3

IKLAN JAWATAN KOSONG

- A.** Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) termasuklah Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Daerah Raub.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN:-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

BIL	JAWATAN/GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1	Penolong Arkitek Landskap,Gred JA29	Tetap	1
2	Penolong Jurutera, Gred JA29	Tetap	1
3	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29	Tetap	1
4	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Gred N19	Tetap	5
5	Pembantu Penguatkuasa, Gred KP19	Tetap	1

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN	08 Jun 2017
TARIKH IKLAN TUTUP	07 Julai 2017
MASA AKHIR PENERIMAAN BORANG	4.30 PETANG

PEMOHON HENDAKLAH MEMPUNYAI KELAYAKAN SEPERTI BERIKUT :-

1. Nama Jawatan : **PENOLONG ARKITEK LANDSKAP,GRED JA29**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan Jawatan : Satu (1)
Jadual Gaji Minimum Maksimum:

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401JAA29000	JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); **atau**
- (ii) sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29, RM1,549.00); **atau**
- (iii) diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29, RM1,935.02)
- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (e) had umur pelantikan;
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas :

- Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi, penyediaan pelan dan dokumentasi, pemantauan, pemuliharaan landskap, penyelidikan dan pengurusan;

- Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap;
- Menyediakan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap;
- Melaksanakan pembinaan projek pembangunan landskap dan menyediakan program pembangunan rekreasi; dan
- Melaksanakan kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap.

2. Nama Jawatan : **PENOLONG JURUTERA, GRED JA29**
 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)
 Taraf Jawatan : Tetap
 Kekosongan Jawatan : Satu (1)
 Jadual Gaji Minimum Maksimum

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401JAA29000	JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
- (c) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

(ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29, RM1,935.02)
- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara lantikan : Pegawai sedang berkhidmatan dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan

Penolong Jurutera, Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c); **atau**
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyelenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyelenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saluran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

3. Nama Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan (N)
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan Jawatan : 1

Jadual Gaji Minimum Maksimum

RM (SEBULAN)				
KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401NA29000	N29	1,493.00	5,672.00	145.00

- Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM1,493.00); **atau**

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); **atau**

- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM1,770.95)

- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; **atau**
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (f) had umur pelantikan;
- (g) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan pelesenan premis, pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

4. Nama Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

GRES N19

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan (N)
 Taraf Jawatan : Tetap
 Kekosongan Jawatan : 3
 Jadual Gaji Minimum Maksimum

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRES GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401NA19000	N19	1,352.00	4,003.00	100.00

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00) **atau**

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19:RM1,408.80) **atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Peningkatan Bentara Secara Lantikan : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan

Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4 (c) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (f) had umur pelantikan;
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iv) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian yang merangkumi tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan memproses, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi. Skop tugas melibatkan pentadbiran pejabat, pengurusan personel, pengurusetiaan, penyediaan dokumen rasmi, pengurusan rekod, pengurusan kewangan dan pengurusan fail.

5. Nama Jawatan : **PEMBANTU PENGUATKUASA, GRED KP19**
 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP)
 Taraf Jawatan : Tetap
 Kekosongan Jawatan : 1
 Jadual Gaji Minimum Maksimum

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401KP19000	KP19	1,360.00	4,052.00	100.00

Syarat Lantikan : Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00) **atau**

- (ii) bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam

jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00)

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40)

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80)

Dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

- (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 5 (c) (i), 5(c)(iii) atau 1 (c)(iv) hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Daerah Raub (MDR) serta menjalankan operasi bersepadu bersama agensi kerajaan yang melibatkan di bawah pentadbiran MDRaub.

B. CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Raub yang boleh didapati di laman web Majlis Daerah Raub di alamat www.mdraub.gov.my, atau dengan datang sendiri ke Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Raub atau mengirim **sampul surat berwarna putih** beralamat sendiri dan **bersetem 60 sen** untuk setiap satu jawatan. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

2. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam Para 17 yang dikemukakan bersama dengan maklumat perkhidmatan yang terkini dan sokongan Ketua Jabatan beserta dan Laporan Nilain Prestasi terkini.
3. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dokumen berikut:-
 - 3.1 Salinan kad pengenalan (depan/belakang), salinan sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.
 - 3.2. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
 - i. Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak disertakan gambar, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan;
 - ii. Tidak menyertakan dokumen-dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iv. Permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan
 - v. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi Pegawai yang sedang berkhidmat

C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada : 07 JULAI 2017

CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP, SAP, AAP, AMP)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Raub

Bertarikh di Raub pada: 08 JUN 2017

nnn/R-ina/has...d.norma.td/iklanjaw